Utusan Borneo: 03 November 2026

Lelaki berdepan denda RM4,300 selepas dua kali disabitkan atas kesalahan merokok di premis

KUCHING: Seorang lelaki berusia 54 tahun berdepan denda keseluruhan RM4,300 selepas dua kali disabitkan atas kesalahan merokok di premis makanan, dengan denda terbaharu sebanyak RM3,500 dijatuhkan terhadapnya di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Bagi kesalahan pertama yang dilakukannya pada 14 April 2026 di premis makanan di sekitar Kuching, tertuduh didenda RM800 oleh Mahkamah Majistret di sini pada 30 September 2026 selepas gagal menyelesaikan kompaun dalam tempoh ditetapkan.

Bagaimanapun, tertuduh sekali lagi melakukan kesalahan sama iaitu merokok di sebuah premis makanan di sini pada 9 Jun 2026.

Dia sekali lagi gagal menyelesaikan kompaun selepas diberikan notis kesalahan dan tempoh sebulan untuk berbuat demikian, menyebabkan kes itu turut dibawa ke mahkamah semalam.

Tertuduh mengaku bersalah di hadapan Majistret Ling Hui Chuan semalam, yang kemudiannya menjatuhkan hukuman denda RM3,500 atau penjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda. Kedua-dua kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 16(2) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

Sementara itu, dalam prosiding berasingan di hadapan Majistret Leona Dominic Mojiliu semalam, seorang lelaki berusia 22 tahun turut didenda RM700 selepas mengaku bersalah merokok di kawasan larangan iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.



SILA PATUHI: Infografik Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memaparkan 28 kawasan atau tempat yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(2), dibaca bersama Seksyen 16(3), Akta 852.

Mahkamah memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara selama seminggu sekiranya gagal membayar denda.

Untuk rekod, kedua-dua lelaki tersebut telah diberikan notis kesalahan mengikut Seksyen 47 Akta 852 dan tempoh sebulan untuk menyelesaikan kompaun di mana-mana Pejabat Kesihatan.

Bagaimanapun, mereka gagal berbuat demikian dalam tempoh ditetapkan, menyebabkan kes masing-masing dibawa ke mahkamah untuk tindakan lanjut.

Sehubungan itu semasa prosiding, Pegawai Pendakwa daripada Unit Inspektorat dan Perundangan, Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching Mohd Fairos Ibrahim memohon agar mahkamah mengenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada tertuduh serta peringatan kepada masyarakat.

Beliau turut mengingatkan orang awam supaya mengambil serius setiap notis kesalahan yang dikeluarkan, menyelesaikan kompaun dalam tempoh ditetapkan dan mematuhi peraturan kawasan larangan merokok yang telah diwartakan.